

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI**  
**[ BUKIT BENDERA ]**

**TARIKH : 1.4.2015**

**SOALAN :**

**Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan *Netbook 1Malaysia* yang sudah diedarkan kepada guru-guru di seluruh negara, serta kos yang terlibat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 17 Oktober 2014 memutuskan bahawa *Netbook 1Malaysia* diagihkan ke makmal komputer sekolah yang memerlukannya, tanpa kos kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sebanyak 218,002 unit *Netbook 1Malaysia* diedarkan kepada 4501 sekolah dan 367 Pusat Kegiatan Guru (PKG) seluruh negara. Di samping itu, sebanyak 42,532 *netbook* di PKG disediakan untuk perkhidmatan pinjaman kepada semua guru-guru seluruh negara. Sebanyak 126,231 unit dikekalkan sebagai unit gantian agar perkhidmatan makmal dan pinjaman kepada guru-guru dapat beroperasi sepenuhnya tanpa gangguan. Dengan kemudahan unit gantian oleh PKG kepada sekolah, sebarang aduan kerosakan *netbook* ini dapat diselesaikan dengan lebih cepat dan efisien.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN M.KULASEGARAN [ IPOH BARAT ]**  
**TARIKH : 1 APRIL 2015**  
**SOALAN :**

**YB Tuan M.Kulasegaran [ Ipoh Barat ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang masalah penyalahgunaan sistem kontrak ke atas pekerja-pekerja oleh “kontraktor” telah berlaku di Hospital Bahagia, Tanjung Rambutan. Adakah pihak hospital sedar bahawa pekerja kontrak tersebut masih dilayan dan dianggap sebagai pekerja baru sungguh pun mereka telah bekerja lebih daripada 17 tahun.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Berdasarkan semakan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan Hospital Bahagia Ulu Kinta Perak, tiada isu berbangkit mengenai perkhidmatan pegawai yang dilantik secara kontrak di hospital berkenaan. Bagi pihak KKM, segala urusan rasmi atau kebajikan pekerja sentiasa diberi perhatian dan jika ada sebarang masalah yang timbul akan ditangani sewajarnya.

Namun, sekiranya isu yang dibangkitkan melibatkan sistem kontrak dan layanan yang diberikan ke atas pekerja-pekerja oleh kontraktor yang menjalankan perkhidmatan sokongan hospital tersebut, maka urusan itu wajar dirujuk untuk mendapat nasihat Kementerian Sumber Manusia. Ini berikutan urusan pelantikan dan perkhidmatan pekerja di syarikat berkenaan dibuat berdasarkan tatacara dan peraturan di bawah Akta Kerja 1955. Dalam erti kata lain, jika pihak syarikat yang mengabaikan kebajikan pekerja mereka, maka pihak pekerja berkenaan boleh membuat aduan kepada Jabatan Tenaga Kerja untuk tindakan selanjutnya.

NO. SOALAN: 53

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG [ IPOH TIMUR ]**  
**TARIKH : 1 APRIL 2015**

**SOALAN :**

**Tuan Su Keong Siong [ Ipoh Timur ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kes penukaran ke agama Islam yang berlaku yang berlaku di negara ini sejak 2000.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendaftaran masuk Islam adalah di bawah bidang kuasa Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri (JAIN/MAIN) sebagaimana bidang kuasa yang termaktub dalam Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan

Persekutuan. Oleh itu, maklumat yang tepat bagi bilangan orang yang memeluk Islam dinegara ini hendaklah dirujuk kepada JAIN/MAIN masing-masing.

Sekian, terima kasih.